

# NIOSH UPDATES

Issue 01, Volume 10, 2017

## TIP-TIP

## KESELAMATAN MAKANAN



## TIP-TIP KESELAMATAN MAKANAN

**DENGAN** memastikan makanan adalah selamat, anda boleh mengelakkan pelbagai penyakit akibat makanan antaranya keracunan makanan. Keracunan makanan boleh berlaku apabila seseorang mengambil makanan yang tercemar dengan bakteria. Kesannya boleh dirasai selepas 3 hingga 24 jam yang boleh menyebabkan sakit perut, muntah-muntah dan cirit-birit.

Keracunan makanan boleh bermula daripada pembelian dan penyimpanan bahan mentah, penyediaan makanan dan penyajian hidangan serta penyimpanan semula makanan yang telah dimasak. Semua ini biasanya berlaku secara berperingkat. Ia berlaku apabila bahan mentah yang dibeli awal dalam kuantiti yang banyak.



## KESELAMATAN MAKANAN

### A. Pengendalian bahan mentah

- ✚ Makanan mentah yang dibeli tidak bertukar warna, berbau busuk atau berulat
- ✚ Sayur-sayuran masih segar, tidak bertukar warna atau layu
- ✚ Daging, ikan, ayam dan sebagainya dalam keadaan segar. Jangan pilih daging, ikan, ayam yang telah berbau, berubah warna atau berubah tekstur

### B. Membeli makanan yang selamat

- ✚ Baca lebal
- ✚ Jangan terpedaya hanya dengan label yang menarik pada pembungkusan makanan. Teliti bahan-bahan yang terkandung di dalamnya.

✚ Pastikan makanan berada dalam keadaan baik dan belum tamat tarikh luput.

✚ Baca dengan teliti arahan cara penyimpanan pada label. Ini dapat mengelakkan makanan menjadi rosak sebelum tamat tarikh luput.

✚ Tidak menggunakan atau memakan makanan dalam kotak atau tin jika:

- Penutup kotak retak, terbuka, koyak atau bocor
- Tin berkarat, mengembang atau bocor
- Rosak dalam apa jua bentuk
- Tamat tarikh luput



# KESELAMATAN MAKANAN

### C. Pengendalian makanan yang selamat

- ✚ Pulang segera selepas membeli bahan mentah dan makanan yang mudah rosak untuk mengurangkan makanan tersebut terdedah lama pada suhu bilik.
- ✚ Makanan yang mudah rosak hendaklah disimpan dalam peti sejuk di ruang yang sepatutnya dengan segera.
- ✚ Makanan mentah yang kering seperti laksa, beras dan sebagainya hendaklah disimpan dalam keadaan kering. Keadaan lembap sangat sesuai untuk pertumbuhan kulat.
- ✚ Pastikan makanan mentah seperti ayam, daging, ikan dan sebagainya diletakkan berjauhan daripada makanan yang telah dimasak. Ini bagi mengelakkan pencemaran silang daripada berlaku.
- ✚ Pastikan peralatan dibersihkan sebelum dan selepas digunakan.

# KESELAMATAN MAKANAN

## D. Pengendalian makanan yang telah dimasak

- ✚ Simpan makanan pada suhu yang betul untuk mengelakkan pembiakan bakteria.
- ✚ Makanan panas pada suhu yang panas
- ✚ Makanan sejuk pada suhu yang sesuai
- ✚ Makanan yang telah dimasak tetapi tidak dihidang hendaklah disejukkan segera sebelum disimpan di dalam peti sejuk. Jangan masukkan makanan panas ke dalam peti sejuk kerana ia akan meningkatkan suhu dalam peti sejuk.
- ✚ Jangan mencampur adukkan makanan yang telah dimasak dengan makanan mentah di dalam peti sejuk
- ✚ Basuh tangan menggunakan sabun sebelum dan selepas penyediaan makanan

# Handbook of Fire and Explosion Protection

## Engineering Principles, Third Edition: for Oil, Gas, Chemical and Related Facilities; 3rd Edition


by [Dennis P. Nolan](#) (Author)

Written by an engineer for engineers, this book is both training manual and on-going reference, bringing together all the different facets of the complex processes that must be in place to minimize the risk to people, plant and the environment from fires, explosions, vapour releases and oil spills. Fully compliant with international regulatory requirements, relatively compact but comprehensive in its coverage, engineers, safety professionals and concerned company management will buy this book to capitalize on the author's life-long expertise. This is the only book focusing specifically on oil and gas and related chemical facilities.

This new edition includes updates on management practices, lessons learned from recent incidents, and new material on chemical processes, hazards and risk reviews (e.g. CHAZOP). Latest technology on fireproofing, fire and gas detection systems and applications is also covered.

An introductory chapter on the philosophy of protection principles along with fundamental background material on the properties of the chemicals concerned and their behaviours under industrial conditions, combined with a detailed section on modern risk analysis techniques makes this book essential reading for students and professionals following Industrial Safety, Chemical Process Safety and Fire Protection Engineering courses.

- A practical, results-oriented manual for practicing engineers, bringing protection principles and chemistry together with modern risk analysis techniques
- Specific focus on oil and gas and related chemical facilities, making it comprehensive and compact
- Includes the latest best practice guidance, as well as lessons learned from recent incidents



# Handbook of Fire and Explosion Protection

## Engineering Principles, Third Edition: for Oil, Gas, Chemical and Related Facilities; 3rd Edition

by [Dennis P. Nolan](#) (Author)

### Editorial Reviews About the Author

Dr. Dennis P. Nolan has had a long career devoted to risk engineering, fire protection engineering, loss prevention engineering and systems safety engineering. He holds a Doctor of Philosophy degree in Business Administration from Berne University, Master of Science degree in Systems Management from Florida Institute of Technology and a Bachelor of Science Degree in Fire Protection Engineering from the University of Maryland. He is a U.S. registered professional engineer in fire protection engineering in the state of California. He is currently on the Executive Management staff of Saudi Aramco, located in Dhahran, Saudi Arabia, as a Loss Prevention Consultant/Chief Fire Prevention Engineer. He covers some of the largest oil and gas facilities in the world. As part of his career, he has examined oil production, refining, and marketing facilities under severe conditions and in various unique worldwide locations, including Africa, Asia, Europe, the Middle East, Russia, and North and South America. His activity in the aerospace field has included engineering support for the NASA Space Shuttle launch facilities at Kennedy Space Center (and for those undertaken at Vandenberg Air Force Base, California) and "classified" national defense systems. Dr. Nolan has received numerous safety awards and is a member of the American Society of Safety Engineers. He is the author of many technical papers and professional articles in various international fire



safety publications. He has written at least four books, several published by Elsevier.

### Product Details

**Hardcover:** 496 pages

**Publisher:** William Andrew; 3 edition (June 10, 2014)

**Language:** English

**ISBN-10:** 0323313019

**ISBN-13:** 978-0323313018

**Product Dimensions:** 1.2 x 6.5 x 9.2 inches

**Shipping Weight:** 2 pounds ([View shipping rates and policies](#))

**Average Customer Review:** [Be the first to review this item](#)

**Amazon Best Sellers Rank:** #2,584,334 in Books ([See Top 100 in Books](#))


#127 in [Books](#) > [Engineering & Transportation](#) >

[Engineering](#) > [Chemical](#) > [Plant Design](#)

#730 in [Books](#) > [Engineering & Transportation](#) >

[Engineering](#) > [Energy Production & Extraction](#) > [Fossil Fuels](#) > [Petroleum](#)

#851 in [Books](#) > [Business & Money](#) > [Insurance](#) > [Risk Management](#)



\*\*Book for reference only : More details of this book, please refer NIOSH Library and to browse list of collection please visit; <http://www.niosh.com.my>

# Newspaper Cutting



<b>Headline</b>	: Safety is a collective effort
<b>Publication</b>	: New Straits Times
<b>Date</b>	: 03 January 2017
<b>Page</b>	: 20

## GOOD PRACTICES

NST 20 3/1/17

# Safety is a collective effort

**IN** the wake of the numerous workplace accidents that occurred in the past year, let all Malaysians and the government resolve at the start of 2017 to work zealously towards making our roads and other modes of transport, as well as our workplace, safer by not only introducing and implementing good safety and health practices but also translating the concept of safety and health at work into a reality.

It is not only the awareness that we should seek to promote, but the will to achieve the targets set for an accident-free environment. Employers and top managements of all industries including the workforce must realise that the reduction or outright elimination of accidents and deaths must take precedence in the interest of public safety.

The most important change is the people's attitude towards safety and health practices at the workplace. Mishaps that continue to occur provide sufficient proof that such a

change is urgently needed.

Safety and health is the collective responsibility of the government, the employers and employees. Industrial accidents can only be prevented or at least reduced if every employer and employee is committed to good safety and health practices.

**Companies should spare no effort to achieve their occupational safety and health objectives with the full cooperation and participation of all their employees.**

Companies should spare no effort to achieve their occupational safety and health objectives with the full cooperation and participation of all their employees. Safety and health as well as environmental issues must be addressed to ensure that the safety and productivity of the workers are not compromised but maintained at the optimum level.

With the country's desire for rapid industrialisation, it is necessary to develop the right attitude towards OSH and related issues.

**TAN SRI LEE LAM THYE**  
National Institute for Occupational Safety and Health chairman

<b>Headline</b>	: 'Provide safe school environment'
<b>Publication</b>	: New Straits Times
<b>Date</b>	: 03 January 2017
<b>Page</b>	: 114

# 'Provide safe school environment'

NST 114 3/1/17

**KUALA LUMPUR:** The importance of providing a safe and secure environment in schools cannot be neglected, said National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) chairman Tan Sri Lee Lam Thye.

He said more zebra crossings and school crossing supervisors, fondly known as lollipop men, were needed near school entrances.

Lee said that last year many accidents involving schoolchildren were reported, including those crossing roads and while travelling to and from school.

"There should be strict enforcement to ensure road users slow down and stop their vehicles when they see students crossing the road," he said yesterday.

He said NIOSH had raised issues such as the collapse of school building structures, which had resulted in injuries among students, teachers and other staff.

Lee said a full audit must be carried out on school buildings, especially premises with wiring that were more than 20 years old.

He said it was reported that 2,046 schools had electrical wiring problems, one of the leading causes of fires in schools.

"I would like to reiterate that

schools should not longer rely on rules and regulations established 10 to 20 years ago.

"I hope they can be updated to allow administrators and teachers to deal with problematic students according to the needs and mindset of the current generation," he said.

He also wants police liaison officers to visit schools frequently to mix with students and teachers to discourage them from getting involved in bullying, gangsterism and drug abuse.

Although appropriate punishment must be meted out, Lee said, strong emphasis must be given

to counselling, since early intervention could nip problems in the bud, including involvement in drugs and extremist groups such as the Islamic State.

"With reports that drug pushers are recruiting students to bring in more addicts, I believe that training must be given to school counsellors to deal with such problems."

He said only those with a good

track records, and practised hygienic and safe food preparation and handling methods should be awarded contracts to cater food at schools.

He said teachers and parents should teach food safety to schoolchildren. He said this would reduce food poisoning cases due to contaminated food in canteens or school food programmes.

"As part of its corporate social responsibility, NIOSH has initiated the Occupational Safety and Health in School programme, to make schools safe places for study and work, and, hopefully, it can

be intensified this year through collaboration with the Education Ministry.

"A school or an educational institution is considered a place of work, and therefore, one of our New Year resolutions is to make them safe and healthy places of work for teachers, students, and administrative and support staff, as well as visitors."



Tan Sri Lee Lam Thye

Newspaper Cutting

**Headline** : Intensifying health and safety efforts in schools  
**Publication** : The Star  
**Date** : 03 January 2017  
**Page** : 32V

# Intensifying health and safety efforts in schools

A TOTAL of 435,882 Year One pupils have enrolled for school this year, and some of them would have started their schooling on Sunday.

In total, we will have 4,809,170 primary and secondary students and another 205,172 preschoolers nationwide this year.

With such a sheer number, we cannot neglect the importance of providing a safe and secure environment in the school for them.

At the same time, we must also ensure that their safety and security are being safeguarded while travelling to and from school.

Last year, there were many reports of accidents involving schoolchildren, including crossing the road and while travelling to and from school.

To address this problem, the authorities must implement all the proposals made last year, including providing more zebra crossings and school crossing supervisors, fondly known as lollipop men, near the school entrance.

Strict enforcement should also be in place to ensure that road users would always slow down and stop their vehicles when they see students crossing the road.

The National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) has also raised issues related to the collapse of building structures in schools that have injured teachers, students and other staff.

It also baffles us when it was reported that a total of 2,046 schools have electrical wiring prob-



lems, one of the leading causes of fires in schools. Therefore, a full audit must be done on all school buildings, especially the older premises, with wiring problems.

I would also like to reiterate that schools should no longer rely on the same rules and regulations that were established 10 to 20 years ago. As such, I hope that the school's rules and regulations could be updated to allow the administrators and teachers to deal with problematic students according to the needs and mindset of the current generation.

While steps must be taken to improve discipline among students, police liaison officers should make more frequent visits to schools to interact with students to prevent them from becoming involved in bullying, gangsterism,

drug abuse and other vices, and even with extremist groups such as the Islamic State.

Although appropriate punishment need to be meted out on the guilty students, strong emphasis must also be given to counselling since early intervention could help nip the problem in the bud.

I believe too that proper training must be given to school counsellors to deal with such problems.

Another issue in school safety is food poisoning caused by contaminated food served in canteens or school food programmes.

School administrators, canteen operators, caterers, food handlers and parents must take steps to prevent food contamination in schools.

Only those with a good track record who practise hygienic and

safe food preparation and handling should be allowed to provide food in schools, and teachers and parents should teach food safety to their students/ children.

As part of its corporate social responsibility, NIOSH has initiated the "OSH in School" programme to make schools a safe place for study and work, and hopefully it could be intensified this year in collaboration with the Education Ministry.

A school or educational institution is considered "a place of work", and therefore one of our New Year resolutions is to help make them safe and healthy places of work for teachers, students, administrative and support staff as well as visitors.

**TAN SRI LEE LAM THYE**  
Chairman, NIOSH

**Headline** : PBT diminta perbanyak lintasan zebra, pengawal  
**Publication** : Berita Harian  
**Date** : 04 Januari 2017  
**Page** : 18

# PBT diminta perbanyak lintasan zebra, pengawal

**Kuala Lumpur:** Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu menyediakan lebih banyak lintasan zebra dan pengawal berhampiran pintu sekolah bagi memastikan keselamatan pelajar terjamin.

Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Tan Sri Lee Lam Thye, berkata ia perlu disertakan dengan sistem penguatkuasaan yang ketat, serta diwujudkan satu garis panduan untuk pengguna jalan raya memperlahankan atau menghentikan kenderaan mereka.

“Dengan bilangan murid yang semakin meningkat, kita tidak boleh mengabaikan kepentingan menyediakan persekitaran yang selamat dan sihat untuk murid di sekolah.

“Pada masa sama, kita juga perlu memastikan keselamatan murid dijaga semasa pergi dan balik sekolah,” katanya dalam kenyataan semalam.

## Senarai kawasan berisiko

Di Melaka, Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron, berkata kerajaan negeri mahu pengurusan sekolah

menyenaraikan kawasan berisiko tinggi kemalangan di kawasan sekolah bagi tujuan penambahbaikan.

Katanya, tindakan proaktif serta sistematik dalam menangani kawasan berisiko kemalangan di sekolah mampu mengelak berlaku kecelakaan.

## Pita amaran bahaya

“Tindakan segera perlu dilakukan oleh pihak sekolah dengan meletakkan pita amaran bahaya di kawasan berisiko tinggi kemalangan dan tiada siapa boleh merentasi lokasi itu.

“Saya harap pihak Pengarah Jabatan Pendidikan negeri senaraikan segera kawasan berisiko ini sebagai kawasan larangan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat dan beramah mesra bersama pelajar di Sekolah Menengah Arab JAIM Al-Ahmadi; Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Terendak dan Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Udang di sini, semalam.



Dengan bilangan murid yang semakin meningkat, kita tidak boleh mengabaikan kepentingan menyediakan persekitaran yang selamat dan sihat untuk murid di sekolah. Pada masa sama, kita juga perlu memastikan keselamatan murid dijaga ”

**Lee Lam Thye,**

Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)



**Lintasan zebra** memudahkan pelajar sekolah melintas dengan lebih selamat.

**Headline** : 20 pekerja kilang terperangkap dalam kebakaran kilang plastik  
**Publication** : Kosmo  
**Date** : 01 Januari 2017  
**Page** : 10

## 20 pekerja kilang terperangkap dalam kebakaran kilang plastik

**KOTA BHARU** – Seramai 20 pekerja kilang berdepan detik cemas apabila terperangkap dalam sebuah kilang plastik yang terbakar di kawasan perindustrian Pengkalan Chepa di sini semalam.

Bagaimanapun, tindakan pantas anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Kelantan berjaya menyelamatkan pekerja kilang tersebut yang terdiri daripada warga Nepal dan Myanmar dalam kejadian kira-kira pukul 3 pagi itu.

Kejadian tersebut turut mengakibatkan dua warga Nepal melecur seluruh badan manakala dua lagi mengalami kecederaan ringan ketika cuba menyelamatkan diri.

Pengarah Bomba Kelantan, Azmi Osman berkata, keempat-empat mangsa yang terlibat dihantar ke Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) untuk mendapatkan rawatan lanjut.

Menurutnya, terdapat 10 pekerja Nepal dan 10 pekerja Myanmar berada di tingkat tiga kilang tersebut semasa kebakaran berlaku.

“Kita terpaksa membawa kesemua pekerja naik ke atas bumbung untuk menyelamatkan diri disebabkan jalan keluar telah terbakar. Kesemua mangsa dibawa turun menggunakan tangga untuk menyelamatkan diri,”



ANGGOTA bomba berusaha menyelamatkan pekerja kilang yang terperangkap dalam kebakaran di sebuah kilang plastik di Pengkalan Chepa, Kota Bharu semalam.

katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Azmi memberitahu, bomba menerima panggilan kecemasan pada pukul 3.04 pagi dan sebanyak 45 pegawai anggota dan bomba bantuan telah dikerah ke lokasi kejadian untuk kerja-kerja menyelamatkan dan memadamkan kebakaran.

Katanya, anggota tersebut terdiri dari balai Kota Bharu, Tunjung dan Pasir Tumbuh serta Pengka-

lan Chepa selain anggota bomba bantuan dikerahkan ke lokasi kejadian.

“Ketika kami sampai, bahagian belakang kilang tersebut sudah hangus 40 peratus dan bomba mengambil masa empat jam untuk memadamkan kebakaran tersebut,” ujarnya.

Tambahnya, punca kejadian dan anggaran keseluruhan kerugian masih dalam siasatan.

**Headline** : Jeritan bawah besi perancah  
**Publication** : Harian Metro  
**Date** : 05 Januari 2017  
**Page** : 06

## Jeritan bawah besi perancah

HM 6 5/1/17

**Dengkil:** “Kedengaran bunyi runtutan kuat disusuli jeritan beberapa pekerja yang cedera seurus dihempap besi perancah yang jatuh dari tingkat 29 bangunan dalam pembinaan itu,” kata salah seorang pekerja dikenali sebagai Ari, 36, di sebuah tapak pembinaan Kampung Sungai Buah, di sini.

Katanya, kemalangan berlaku kira-kira jam 9.30 pagi Isnin lalu, ketika kumpulan pekerja sedang membuka perancah di tingkat 29 sebelum besi itu terjatuh dan menimpa mereka yang berada di tingkat lima bangunan dalam pembinaan itu.

“Ketika itu, saya berada berhampiran bangunan berkenaan dan dikejutkan dengan bunyi dentuman kuat sebelum mendengar jeritan beberapa pekerja meminta tolong. Saya bergegas ke lokasi kejadian untuk menghulurkan bantuan,” katanya ketika ditemui wartawan Harian Metro di lokasi ke-



**PEKERJA** binaan membantu mengalihkan besi perancah yang jatuh.

jadian, semalam.

Kejadian itu mengakibatkan seorang buruh binaan warga Indonesia maut, manakala lapan lagi pekerja cedera selepas dihempap besi perancah itu.

Ari berkata, mangsa yang

cedera dibawa ke Hospital Serdang oleh pihak pemaju untuk menerima rawatan lanjut.

“Difahamkan semua mangsa yang mengalami kecederaan kini dilaporkan dalam keadaan stabil,” katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Sepang Asisten Komisioner Abdul Aziz Ali berkata, mangsa, Eko Purnomo, 42, disahkan meninggal dunia di lokasi kejadian akibat kecederaan parah di bahagian kepala.

“Mangsa dikatakan tidak sempat menyelamatkan diri sebelum dihempap besi perancah yang jatuh dari tingkat atas menyebabkan dia cedera parah di kepala.

“Mayat mangsa dihantar ke Hospital Serdang untuk bedah siasat dan kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut,” katanya.

Kejadian itu menjadi tular di media sosial semalam apabila gambar mangsa yang cedera didedahkan oleh pihak tertentu.

Anehnya pihak Bomba dan Penyelamat Bangi tidak dimaklumkan berhubung kejadian itu oleh pengurusan tapak projek pembinaan sehinggalah gambar insiden itu mula menjadi tular di media sosial.

NewsPaper Cutting

**Headline** : Jauhi aksi ekstrem boleh bawa maut  
**Publication** : Harian Metro  
**Date** : 09 Januari 2017  
**Page** : 37

## Jauhi aksi ekstrem boleh bawa maut

**Kuala Lumpur**— Menempah maut demi populariti. Itu trend segelintir anak muda kini yang semakin menjadi-jadi memuat naik pengalaman membahayakan dan luar biasa ke laman sosial.

Pengerusi Institusi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Tan Sri Lee Lam Thye berkata, berkongsi pengalaman di tempat yang boleh mendatangkan risiko kemalangan tanpa sebarang perlindungan harus ditegur dan dinasihatkan.

“Tanpa sedar, aksi berbahaya pada asalnya sekadar untuk keseronokan dan untuk mendapat perhatian, boleh mengundang padah dan membawa maut.

“Walaupun mempunyai semangat dan daya fizikal kuat, tindakan itu dibimbangi menjadi ikutan remaja lain dan diulangi,” katanya melalui satu kenyataan, di sini, semalam.

Menurutnya, aktiviti ekstrem di tempat berisiko seperti bangunan tinggi, sungai deras, pantai berombak dan terjun udara perlulah mengikut garis panduan yang ditetapkan serta dibenarkan oleh pihak berkuasa.

Beliau berkata demikian susulan sekumpulan remaja melakukan aksi bahaya memanjat mercu tanda ‘IPOH’ di Jalan Kangsar, Ipoh, baru-baru ini.



LEE

Lee berkata, kumpulan remaja itu bukan sahaja membahayakan diri mereka, malah membabitkan orang sekeliling sekiranya struktur dipanjat itu runtuh.

“Sifat obses ini adalah sebahagian daripada masalah kesihatan mental yang dikenali ‘personality disorder’ iaitu mengetahui risiko bahaya yang dihadapi namun tetap melakukannya dengan alasan mencabar diri.

“Tidak dinafikan mereka mempunyai keberanian dan kepakaran, namun biarlah melalui platform yang betul, sekali gus memanfaatkan bakat dan kebolehan supaya menjadi contoh kepada remaja lain,” katanya dalam kenyataan itu.

Beliau menegaskan masyarakat yang ingin melakukan sesuatu yang luar biasa perlu memastikan soal keselamatan diutamakan bukan mendapatkan keseronokan atau populariti.

**Headline** : Lelaki maut dihempap pintu hidraulik lori sampah  
**Publication** : Berita Harian  
**Date** : 09 Januari 2017  
**Page** : 15

# Lelaki maut dihempap pintu hidraulik lori sampah

BH 15 01/17

➔ Besi penolak rosak, terkeluar timpa mangsa



**Mangsa maut dihempap** pintu hidraulik lori sampah, manakala rakannya parah di tapak pelupusan sampah, Bukit Tagar, Kuala Kubu Bharu, semalam.

**Oleh Safeek Affendy Razali**  
 bhnews@bh.com.my

► **Hulu Selangor**

Seorang pekerja penyelenggara tapak pelupusan sampah maut manakala rakannya cedera parah, selepas dihempap pintu hidraulik sebuah lori sampah di tapak pelupusan sampah, Bukit Tagar, Kuala Kubu Bharu, di sini, pagi semalam.

Dalam kejadian sekitar jam 7.50 pagi, kedua-dua pekerja lelaki warga tempatan itu dilaporkan sedang menjalankan kerja-kerja membersihkan baki sampah pada bahagian belakang lori berkenaan.

Pada masa sama besi penolak sampah yang digerakkan dengan kuasa hidraulik rosak secara tiba-tiba sehingga mengakibatkan besi penolak sampah terkeluar dan menghempap mangsa.

Ketua Polis Daerah Hulu Selangor, Superintendan R Suparamaniam, berkata salah seorang daripada mereka disahkan meninggal dunia di tempat kejadian manakala seorang lagi dikejarkan ke Hospital Sungai Buloh.

**Maut di tempat kejadian**

"Hasil pemeriksaan mendapati mangsa dikenalpasti sebagai Nagaraju yang mati di tempat kejadian manakala seorang parah pada muka selain patah pergelangan tangan dan kaki kanan.

"Kedua-dua mangsa dihempap besi penolak sebenar 87 X 95 inci seberat anggaran setengah tan," katanya kepada media semalam.

Beliau berkata, setakat ini kejadian itu diklasifikasikan sebagai kes kematian mengejut (SDR) namun siasatan susulan sedang dilakukan bagi mengenalpasti sekiranya ada unsur kecuai.

**Bukan pekerja Alam Flora**

Dalam perkembangan sama, syarikat pembersihan Alam Flora Sdn Bhd, mengeluarkan kenyataan bagi memaklumkan kedua-dua mangsa bukanlah pekerja mereka seperti yang dimaklumkan media sebelum ini.

Sementara itu di Julau, Sarawak, seorang pemandu lori balak maut digilis lori sendiri dalam keadaan menyayat hati dengan perutnya terburai selepas kenderaan itu hilang kawalan di Jalan Lasi, di sini, petang kelmarin.

Kemalangan kira-kira jam 3 petang itu, menyebabkan Stanley Mangin, 38, maut di tempat kejadian.

Pemangku Timbalan Ketua Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Sarawak, Asisten Superintendan Mathew

Maggi berkata, siasatan awal mendapati mangsa yang berseorangan ketika kejadian dikatakan melompat keluar selepas lori yang dipandunya hilang kawalan.

Beliau berkata, lori berkenaan tidak dapat dikawal selepas tayar depan sebelah kanan tercabut dan bergerak menuju ke laluan tanah merah di bahu jalan.

"Tindakan mangsa melompat keluar dari lori menyebabkan dia digilis tayar belakang lori berkenaan dan disahkan meninggal dunia di lokasi kejadian kerana kecederaan yang dialaminya.

"Mayat mangsa dibawa ke Hospital Sarikei untuk bedah siasat sebelum diserahkan kepada ahli keluarga untuk urusan pengebumian," katanya.

Beliau berkata, kes berkenaan kini masih dalam siasatan mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Newspaper Cutting

**Headline** : Aktiviti ekstrem di tempat berisikoancam nyawa  
**Publication** : Berita Harian  
**Date** : 09 Januari 2017  
**Page** : 79

**BH** Isnin, 9 Januari 2017

**Ms.79**

**E-MEL PEMBACA**

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: [bhforum@bh.com.my](mailto:bhforum@bh.com.my)

→ **INTERAKTIF**

[FOTO HIASAN]

# Aktiviti ekstrem di tempat berisikoancam nyawa

**T**rend untuk memuat naik ke laman media sosial sesuatu perkara yang luar biasa bagi menjadikan viral dan sensasi semakin menjadi-jadi.

Baru-baru ini, sekumpulan remaja yang memanjat arca perkataan 'IPOH' menjadi sensasi apabila aktiviti mereka mendapat perhatian ramai.

Kemudian beberapa remaja lain turut menjadi perhatian netizen dan media apabila mereka memanjat kren hanya berselfie beramai-ramai.

Tidak menjadi suatu kesalahan untuk selfie dan berkongsi perasaan seronok tersebut dengan rakan, namun jika ia dilakukan di tempat yang boleh mendatangkan risiko kemalangan tanpa menggunakan peralatan keselamatan diri maka tindakan mereka ini perlu ditegur dan diberikan nasihat agar ia tidak diulangi dan menjadi iktan.

Sedar ataupun tidak, tindakan mereka melakukan aksi sebegitu untuk merasa keseronokan dan mendapat perhatian ini boleh membawa padah sama ada kemalangan, kecederaan, malah juga boleh bawa maut. Walaupun mereka mempunyai daya fizikal dan

semangat yang kuat, derauan arenalin yang mengujakan boleh mendatangkan bahaya jika tersilap langkah.

Mereka bukan hanya membahayakan diri mereka malah juga orang lain yang ada di sekeliling sekiranya struktur yang mereka panjat itu runtuh.

**Patuh garis panduan**

Aktiviti untuk melakukan aksi ekstrem di tempat berisiko seperti di bangunan tinggi, sungai deras, pantai berombak, laut, terjun udara dan tempat lain seumpamanya perlulah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan dan dibenarkan oleh pihak berkuasa.

Ia perlu bagi memastikan aspek keselamatan untuk melakukan aktiviti tersebut dipastikan bagi mengelakkan kecederaan. Sifat obses seumpama ini juga sebahagian daripada masalah kesihatan mental atau dikenali sebagai *personality disorder*.

Walaupun mereka tahu risiko dan bahaya dihadapi, mereka tetap ingin melakukan aktiviti tersebut dengan alasan ingin mencabar diri dan membuktikan mereka boleh melakukannya.

Sebaiknya golongan remaja se-



Beberapa taman rekreasi yang dilengkapi sistem keselamatan dibangunkan bagi mereka yang berminat melakukan aktiviti ekstrem.



Aktiviti ekstrem di tempat berisiko seperti di bangunan tinggi dan tempat lain mengikut garis panduan yang ditetapkan. Sifat obses seumpama ini juga sebahagian daripada masalah kesihatan mental atau dikenali sebagai *personality disorder*

perti mereka berfikir panjang akan akibat dan kesan daripada tindakan mereka. Bayangkan sekiranya mereka mendapat kecederaan, bukan sahaja keselamatan diri terjejas, malah ibu bapa dan ahli keluarga akan berduka.

Tidak dinafikan mereka mempunyai keberanian dan kepakaran tertentu, namun ia mestikan digunakan untuk perkara kebaikan yang boleh membanggakan agama, bangsa ataupun negara.

Jika dilihat dari perspektif lain, golongan muda yang mempunyai kebolehan dan minat dalam aktiviti lasak perlulah dibimbing untuk menceburi bidang berfaedah.

Banyak platform yang disediakan pelbagai pihak sama ada kerajaan atau kelab tertentu untuk aktiviti lasak. Dari situ mereka boleh menonjolkan kebolehan de-

ngan cara yang sah dan lebih selamat. Mereka perlu bijak memanfaatkan bakat dan kebolehan dimiliki, agar menjadi *role model* kepada remaja yang lain dengan cara yang lebih profesional.

Saya ingin menegaskan kepada semua pihak dan masyarakat, sama ada remaja atau dewasa yang ingin melakukan sesuatu yang luar biasa agar memikirkan keselamatan diri dan orang lain.

Carilah ruangan atau tempat rekreasi dikhaskan dan guna peralatan keselamatan sepatutnya untuk aktiviti lasak atau mencabar. Janganlah sampai mengabaikan keselamatan diri demi mendapatkan keseronokan atau populariti.

**Tan Sri Lee Lam Thy**,  
Pengerusi NIOSH

Newspaper Cutting

<b>Headline</b>	: Dihempap pintu 500kg
<b>Publication</b>	: Harian Metro
<b>Date</b>	: 09 Januari 2017
<b>Page</b>	: 17

**"Saya bergegas ke lokasi kejadian terletak tidak jauh dari rumah sebelum mendapati suami dalam keadaan kritikal dan terpaksa diberikan bantuan pernafasan Danaletchumy**

09-01-2017

setempat **17**

**HARIAN METRO**



PEKERJA kontrak sampah yang maut dihempap pintu shaf hidraulik lori pemampat sampah, semalam.

# Dihempap pintu 500kg

■ Pekerja maut, seorang parah pintu hidraulik pemampat sampah rosak

**Amrullah Abdul Karim dan Faliq Lajim**  
am@hmetro.com.my

**Bukit Tagar**

**"S**aya tergamam sebaik ibu memaklumkan rakan sekerja suami maut ketika bertugas manakala suami saya

pula cedera teruk," kata S Danaletchumy, 32, isteri kepada S Nagaraju, 39, yang parah selepas dihempap pintu hidraulik lori pemampat sampah.  
Dalam kejadian jam 7.30 pagi semalam, rakan Nagaraju, N Nagaraju, 49, maut di lokasi kejadian berhampiran pusat pelupusan sampah Bukit Tagar, di sini.

Danaletchumy berkata, dia hampir pengsan apabila perkara sama dimaklumkan oleh jirannya yang muncul tidak lama kemudian.  
"Saya kemudian bergegas ke lokasi kejadian terletak tidak jauh dari rumah sebelum mendapati suami dalam keadaan kritikal dan terpaksa diberikan bantuan pernafasan," katanya keti-

ka ditemui di wad kecemasan Hospital Sungai Buloh, di sini.  
Menurutnya, suaminya masih dalam keadaan kritikal berikutan mengalami patah pada tujuh bahagian tulang rusuk, bahu serta tiga jari kiri.  
Sementara itu, Ketua Polis Daerah Hulu Selangor Superintendan R Supramaniam

berkata, siasatan awal mendapati bahagian besi penolak sampah yang berada di dalam lori berkuasa hidraulik itu rosak lalu menghempap kedua-dua mangsa.  
Beliau berkata, kejadian itu hanya disedari pekerja lain yang terdengar jeritan Nagaraju meminta tolong sebelum menghubungi bomba.

**FAKTA**  
Besi penolak sampah seberat setengah tan menghempap mangsa yang berada di belakang lori

ANGGOTA bomba memberi rawatan kecemasan kepada mangsa yang cedera.

"Sebahagian daripada besi penolak sampah dengan anggaran berat setengah tan itu menghempap mangsa yang ketika itu berada di bahagian belakang lori.  
"Kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut namun siasatan lanjut masih dijalankan untuk mengenalpasti sama ada kes itu ada unsur kecuaihan atau sebaliknya," katanya.  
Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Kubu Bharu (KKB), Kamil Hamadan berkata, enam anggotanya dikejarkan ke lokasi selepas menerima panggilan kecemasan.  
"Kami mengambil masa 10 minit untuk mengeluarkan mangsa. Pintu hidraulik lori berjaya dialih menggunakan kren dan mangsa yang cedera dibawa ke HSB," katanya.

Newspaper Cutting

